



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka,

Tel : 06-331 6188 Faks : 06-331 6115

E-mel : bendahari@utem.edu.my

PEJABAT BENDAHARI



Ruj. Kami (Our Ref) : UTeM.03.04.01/100-3/3/2 (13)
Ruj. Tuan (Your Ref) :

14 Oktober 2011
16 Zulkaedah 1432

SURAT PEKELILING BENDAHARI BILANGAN 7/2011

Semua

Ketua Pusat Tanggungjawab

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Prof./Tuan/Puan,

PERATURAN SKIM PEMBIAYAAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini adalah bertujuan untuk memaklumkan mengenai peraturan Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan Bagi Kumpulan Pengurusan Tertinggi Serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Kerajaan telah mengeluarkan peraturan berkaitan dengan Skim Pembiayaan Keahlian Kelab Rekreasi dan Sukan untuk pegawai-pegawai kerajaan pada tahun 1992, 1994 dan 2000.
- 2.2 Pada tahun 2007, Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2007 bagi menggantikan dan membatalkan pekeling-pekeling tahun 1992 dan 1994.

2.3 Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kewangan Bil. 1/2011 telah meluluskan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7/2007 untuk diguna pakai pada 22 September 2011.

3.0 PERATURAN SKIM PEMBIAYAAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

3.1 Pihak Berkuasa Melulus

Pegawai	Pelulus
1) Kumpulan Pengurusan dan Profesional; dan ke atas	Naib Canselor
2) Naib Canselor	Ketua Setiausaha Kementerian Pengajian Tinggi

3.2 Kelayakan

3.2.1 Pegawai Kumpulan Pengurusan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang memerlukan interaksi dengan rakan sejawat di sektor swasta;

3.2.2 Pegawai lantikan tetap;

3.2.3 Tuntutan untuk bayaran/yuran masuk sahaja tertakluk kepada had maksimum RM4,000 dan selebihnya ditanggung sendiri oleh pegawai;

3.2.4 Bayaran/yuran masuk untuk keahlian individu sahaja dan bukan berbentuk saham;

3.2.5 Pegawai atau suami/isteri yang layak menerima kemudahan ini boleh membuat tuntutan yang berasingan;

3.2.6 Tuntutan kemudahan ini hendaklah disokong dengan resit pembayaran;

- 3.2.7 Kemudahan ini diberi hanya sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan;
 - 3.2.8 Kelulusan bayaran kemudahan ini hendaklah direkodkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan pegawai; dan
 - 3.2.9 Keahlian tidak boleh dipindahmilik.
- 3.3 Kelab rekreasi dan sukan yang dibenarkan di bawah kemudahan ini hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:
- 3.3.1 Kelab tersebut ditubuhkan secara sah di bawah akta syarikat 1965 (Akta 125) atau Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan pindaan-pindaanya;
 - 3.3.2 Keahlian kelab terbuka kepada umum terutamanya bagi pegawai Kerajaan dan eksekutif swasta;
 - 3.3.3 Kelab menyediakan pelbagai kemudahan rekreasi dan sukan seperti golf, tenis, kolam renang, gimnasium, perpustakaan, rumah rehat, bilik teater dan sebagainya; dan
 - 3.3.4 Kelab mempunyai premis untuk beroperasi.
- 3.4 Hal-hal lain
- 3.4.1 Pembayaran keahlian kelab adalah berdasarkan tuntutan bayaran balik dengan menggunakan borang yang disediakan dan mematuhi proses tuntutan seperti yang dilampirkan.
 - 3.4.2 Pihak berkuasa melulus hendaklah menimbangkan sesuatu permohonan dengan mengambil kira peraturan dan syarat yang ditetapkan serta kepentingan pemohon bagi menganggotai kelab tersebut bersesuaian dengan keperluan dan objektif Universiti.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Semua Pusat Tanggungjawab (PTj) hendaklah memastikan pekeliling ini **dipatuhi sepenuhnya.**
- 4.2 Pekeliling ini berkuat kuasa dengan serta-merta mulai tarikh ia dikeluarkan dan membatalkan Pekeliling Bendahari Bil. 10/2001.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari


Pejabat Bendahari

s.k. Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

CARTA ALIR PROSES PERMOHONAN SKIM PEMBIAYAAN KEAHLIAN KELAB REKREASI DAN SUKAN BAGI KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI SERTA KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL



BAHAGIAN II : (Diisi oleh Pendaftar)

Kepada :
Y.Bhg. Naib Canselor

Disahkan bahawa butir-butir yang diberikan oleh pegawai telah diselidiki dan didapati benar.

- *(a) Pegawai ini belum pernah menerima sumbangan kewangan bagi bayaran / yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan; dan
- *(b) Saya menyokong permohonan ini bagi tujuan meningkatkan interaksi pegawai dengan rakan-rakan sejawat di sektor swasta selaras dengan hasrat Pensyarikatan Malaysia; atau
- *(c) Saya tidak menyokong permohonan ini kerana berpendapat pemohon tidak perlu menganggotai kelab rekreasi dan sukan buat masa ini

Tarikh : _____

Tandatangan

Nama : _____
Jawatan : _____

BAHAGIAN III : (Diisi oleh Naib Canselor)

Kepada :
Pendaftar

- *(a) Sumbangan kewangan sebanyak RM _____ kepada pemohon untuk bayaran / yuran masuk menjadi ahli kelab rekreasi dan sukan berkenaan diluluskan. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2007. Sumbangan ini perlu direkodkan dalam Buku Kenyataan Perkhidmatan pemohon.
- *(b) Sumbangan kewangan tidak diluluskan
- *(c) Sila maklumkan keputusan ini kepada pemohon

Tarikh : _____

Tandatangan

Nama : _____
Jawatan : _____

* Sila tandakan dalam kotak yang berkenaan